

### **Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.**

Bidang penerbangan menawarkan pelbagai kerjaya. Ada pekerjaan yang memerlukan seseorang tersebut bertugas di \_\_\_\_\_ sahaja dan ada pula yang memerlukan seseorang individu tersebut untuk menjalankan tugasnya di \_\_\_\_\_. Kerjaya di udara ialah kerjaya seperti \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_. Seseorang individu tersebut haruslah memiliki sekurang-kurangnya sijil kelulusan untuk peperiksaan \_\_\_\_\_ untuk memohon jawatan ini. Ada juga antara mereka yang menyandang jawatan ini mempunyai sijil diploma ataupun ijazah. Kerjaya ini bukan sahaja memberikan pendapatan yang lumayan kepada seseorang individu malahan kerjaya ini juga turut membolehkan mereka untuk \_\_\_\_\_ ketika bertugas dan membolehkan mereka \_\_\_\_\_. Keistimewaan inilah yang dikatakan seperti \_\_\_\_\_.

Kerjaya di darat untuk bidang penerbangan pula melibatkan kerja-kerja seperti \_\_\_\_\_ kapal terbang dan pegawai kawalan trafik udara. Seseorang individu yang ingin menjadi jurutera penyelenggaraan kapal terbang dalam bidang ini haruslah mengikuti beberapa \_\_\_\_\_ yang diwajibkan oleh sesebuah syarikat penerbangan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana kerana jurutera tersebut perlu menyelenggara kapal-kapal terbang yang memerlukan kepakaran dan pengetahuan tertentu. Tugas seorang \_\_\_\_\_ pula ialah pegawai ini haruslah memastikan keselamatan trafik di ruang udara. Pegawai tersebut haruslah sentiasa berkomunikasi dengan juruterbang yang terlibat dalam \_\_\_\_\_.